

Bil. S 9

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2017

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pemasukan bab 5B baru dari Penggal 35
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2017

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (Bil. 2), 2017.

Pemasukan bab 5B baru dari Penggal 35

2. Akta Cukai Pendapatan adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 5A bab baru yang berikut —

“Arahan

5B. (1) Pemungut boleh pada bila-bila masa membuat suatu arahan dalam pengenaan mana-mana peruntukan Akta ini berkenaan dengan mana-mana orang atau apa-apa jenis penyusunan.

(2) Arahan yang dibuat di bawah cerai (1) adalah terikat.

(3) Pemungut boleh menarik balik, sama ada seluruhnya atau sebahagiannya apa-apa arahan yang dibuat di bawah bab ini.

(4) Dengan tidak menghiraukan mana-mana peruntukan lain Akta ini, jika arahan dalam cerai (1) dikenakan kepada mana-mana orang berkenaan dengan suatu penyusunan dan orang yang mengenakan peruntukan mengikut cara yang dinyatakan dalam arahan itu, Pemungut hendaklah mengenakan peruntukan berkenaan dengan orang itu dan penyusunan menurut aturan itu.”.

Diperbuat pada hari ini 4 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 1 haribulan Februari, 2017 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**